

HM 10/8/24 PG 8

VESEL nelayan Vietnam yang ditahan pada jarak 192 batu nautika timur laut muara Kuala Terengganu.



DUA VESEL NELAYAN VIETNAM DITAHAN

ROMPAK HASIL LAUT NEGARA!

Oleh Zatul Iffah
Zolkiply
zatuliffah@hme-
tro.com.my

Kuala Terengganu

Agenси Pengurusan Maritim Malaysia (APMM) Terengganu menahan dua vesel nelayan Vietnam yang 'merompak' hampir satu tan hasil laut di perairan Terengganu, Rabu lalu membabitkan rampasan bernilai RM3 juta.

Pengarah APMM Negeri Terengganu, Kepten Maritim Mohd Khairulanuar Abd Majid berkata, kedua-dua vesel itu ditahan kapal peronda KM RAWA menerusi Op Naga Barat

pada jarak 192 batu nautika timur laut muara Kuala Terengganu.

Beliau berkata, vesel nelayan asing itu dikesan melakukan aktiviti penangkapan ikan secara haram di dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) negara pada jam 3.30 petang.

Katanya, penggeledahan ke atas kedua-dua vesel nelayan asing itu berjaya menahan 17 nelayan Vietnam termasuk tekong berusia dalam lingkungan 23 hingga 50 tahun.

"Pemeriksaan mendapati kesemua suspek gagal

mengemukakan dokumen pengenalan diri serta kebenaran perjalanan yang sah selain tidak memiliki permit serta kebenaran untuk menangkap ikan di perairan negara daripada Jabatan Perikanan.

"Sejumlah hasil laut yang terdiri daripada pelbagai jenis ikan dengan anggaran berat hampir satu tan yang disyaki ditangkap di perairan negara turut dirampas," katanya dalam kebenaran semalam.

Mohd Khairulanuar berkata, kesemua nelayan,

“Semua suspek gagal kemukakan dokumen pengenalan diri”
Mohd Khairulanuar

dua bot, peralatan menangkap ikan dan hasil laut yang dianggarkan bernilai RM3 juta itu dibawa ke Jeti Maritim Terengganu untuk siasatan lanjut.

Katanya, proses mengiring bot tahanan itu mengambil masa hampir 30 jam berikutnya keadaan jarak yang jauh, cuaca yang buruk serta ombak bergelora.

"Kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 dan Akta Imigresen 1959/63.

"Jika sabit kesalahan, tekong boleh dikenakan denda tidak lebih RM1 juta manakala RM100,000 bagi setiap kru atau penjara tidak melebihi dua tahun," katanya.